

21/10/1999

DPMM sokong penubuhan Tabung Kewangan Asia Timur

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) memuji serta menyokong cadangan tegas dan berani Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu Tabung Kewangan Asia Timur (EMF) ditubuhkan segera bagi memenuhi keperluan dan menangani masalah kewangan negara serantau.

Presiden DPMM, Tan Sri Tajudin Ramli di dalam kenyataannya semalam, berkata sudah tiba masanya tabung seperti itu diwujudkan.

Katanya, ia diperlukan untuk memenuhi keperluan jangka pendek dan jangka sederhana negara rantau ini khusus menangani krisis kewangan yang melanda.

Apa yang menarik mengenai cadangan itu, katanya, bahawa krisis kewangan yang dihadapi perlu ditangani secara berterusan dan mendalam.

Cadangan Perdana Menteri memaparkan sesuatu yang lebih kreatif dan pragmatik yang melewati kesempitan pemikiran serta pendekatan institusi kewangan sedia ada.

"Inilah yang membezakannya dengan pendekatan sedia ada," katanya.

Penubuhan Tabung Kewangan itu, tidak harus dilihat sebagai satu langkah mengambil alih peranan institusi kewangan antarabangsa tetapi sebagai pembantu dan pelengkap kepada institusi kewangan antarabangsa sedia ada.

(END)